

# LAWATAN NAIB CANSELOR (NC) KE FAKULTI PERHUTANAN TROPIKA

Oleh: En. Mohd Khairuddin Ahmad



NC di Rumah Hijau FPT



NC di bangunan makmal FPT

**L**awatan sulung oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Chm Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Naib Canselor (NC) ke Fakulti Perhutanan Tropika pada 23 Jun 2021 yang lalu telah memberikan sedikit sebanyak peluang penambahbaikan dan input yang positif kepada pihak fakulti secara khususnya dan universiti amnya.

Antara agenda lawatan tersebut, perkara yang dititikberatkan adalah berkaitan kemudahan prasarana makmal dan fasiliti yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar yang dijangka meningkat bilangannya menjelang semester baharu bagi kemasukan Sesi 2021/2022 akan datang. Terdapat pertambahan program baharu yang dimasukkan ke Fakulti Perhutanan Tropika iaitu Program Biologi Pemuliharaan, menjadikan bilangan program

terkini FPT adalah sebanyak 5 program terdiri daripada Program Perhutanan Tropika Antarabangsa, Program Taman Alam Semulajadi dan Rekreasi, Program Perladangan Hutan dan Perhutani serta Program Teknologi dan Industri Kayu.

Yang Berbahagia Datuk NC telah meluangkan masa sekitar 2 jam setengah meninjau ruang persekitaran dan fasiliti sedia ada di fakulti. Antara kawasan yang dilawati oleh beliau termasuklah kawasan Makmal Sains Tanah, Rumah Hijau, kawasan lobi fakulti dan Pejabat Pentadbiran FPT.

Lawatan beliau diiringi oleh Dekan Fakulti, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Gs. Dr. Phua Mui How, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar,

Dr. Kamlisa Uni Binti Kamlun, Prof. Madya Dr Berhaman Ahmad, Dr Affendy Hassan, Ketua Program Perladangan Hutan dan Perhutani dan Ketua Pentadbiran Fakulti, En. Mohd Khairuddin Ahmad yang turut berkongsi idea mengenai hala tuju dan matlamat pengurusan UMS agar penjenamaan semula fakulti dapat memberi impak dan keterlihatan di mata luar selaras dengan visi dan misi penjenamaan semula FPT. Turut hadir bersama Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), Prof. Dr Mohamad Ibrahim bin Mohamad serta beberapa Jurutera.